

## **PEMATUHAN HUKUM BERIHADAD DALAM KALANGAN WANITA ISLAM BEKERJAYA: TINJAUAN DI TERENGGANU DAN KELANTAN**

**ZANARIAH DIMON  
NORITA KAMARUDDIN  
NORAZLA ABDUL WAHAB  
SURIANOM MISKAM**

Fakulti Syariah dan Undang-undang  
Universiti Islam Selangor

zanariah@uis.edu.my, norita@uis.edu.my, norazla@uis.edu.my, surianom@uis.edu.my

**SYH NOORUL MADIHAH SYED HUSIN**

Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu  
madihah@unisza.edu.my

**MUHAMMAD YUSRI ZULKEFLI**

GRA/Calon Sarjana, Fakulti Syariah dan Undang-undang  
Universiti Islam Selangor  
24mt21001@student.uis.edu.my

### **ABSTRAK**

*Ihdad merupakan tempoh berkabung yang diwajibkan bagi wanita yang kematian suami. Syariat Islam menetapkan beberapa sekatan dan larangan khusus terhadap isteri yang kematian suami sepanjang tempoh beriddah selama empat bulan 10 hari. Namun, bagi wanita Islam bekerjaya, pelaksanaan hukum ihdad boleh menjadi lebih mencabar kerana mereka perlu menyeimbangkan tanggungjawab profesional dan kewajipan agama. Timbul persoalan sejauh mana wanita Islam bekerjaya dapat mematuhi hukum ihdad dalam persekitaran yang memerlukan mereka untuk terus bekerja dan memenuhi keperluan ekonomi keluarga? Tidak banyak kajian yang dibuat mengenai pematuhan terhadap hukum ihdad dalam kalangan wanita Islam bekerjaya, khususnya dalam konteks masyarakat yang kuat berpegang kepada nilai-nilai tradisional dan agama seperti di Terengganu dan Kelantan. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menganalisis pematuhan wanita Islam bekerjaya terhadap hukum berihdad di Terengganu dan Kelantan, mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi pematuhan tersebut, dan cabaran yang dihadapi sepanjang tempoh tersebut. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan mengumpulkan data melalui analisis dokumen dan temu bual separa struktur. Temu bual dijalankan bersama responden wanita Islam bekerjaya yang kematian suami di Terengganu dan Kelantan dan telah selesai menjalani tempoh berihdad bagi mendapatkan pengalaman, pemahaman, dan cabaran yang dihadapi oleh responden dalam menjalani tempoh ihdad. Data-data yang diperolehi dianalisis secara analisis kandungan dan tematik. Hasil kajian mendapati bahawa sebilangan besar responden menunjukkan pematuhan yang baik mengenai kewajipan ini, tetapi menghadapi kesulitan dalam mematuhi sepenuhnya disebabkan oleh tuntutan pekerjaan, keperluan ekonomi dan urusan keluarga. Faktor-faktor seperti sokongan keluarga, kesahaman agama, dan fleksibiliti majikan memainkan peranan penting dalam menentukan tahap pematuhan mereka. Kesimpulannya, kepatuhan terhadap hukum ihdad dalam kalangan wanita bekerjaya memerlukan pendekatan yang lebih fleksibel dan sokongan yang berterusan dari pelbagai pihak bagi membantu mereka mematuhi hukum berihdad tanpa menjaskan kerjaya mereka.*

**Kata kunci:** ihdad, iddah, isteri bekerjaya, kematian suami, pematuhan hukum

## PENGENALAN

Pematuhan hukum berihdad dalam kalangan wanita Islam bekerjaya merupakan satu topik yang penting dan relevan dalam masyarakat Islam hari ini. Ihdad merujuk kepada tempoh berkabung selama empat bulan sepuluh hari yang wajib dipatuhi oleh seorang wanita Islam yang kematian suami. Dalam tempoh ini, terdapat pelbagai larangan dan tuntutan yang perlu dipatuhi, seperti tidak dibenarkan memakai pakaian yang berwarna terang, tidak boleh memakai barang perhiasan, dan tidak dibenarkan keluar rumah kecuali atas keperluan yang mendesak. Kepatuhan terhadap hukum ini bukan sahaja merupakan tanggungjawab agama, tetapi juga mencerminkan komitmen individu terhadap ajaran Islam.

Kajian terhadap pematuhan hukum berihdad dalam kalangan wanita Islam bekerjaya di Terengganu dan Kelantan amat menarik kerana kedua-dua negeri ini terkenal dengan pegangan kuat terhadap ajaran Islam dalam kehidupan seharian mereka. Di Terengganu dan Kelantan, peranan wanita dalam masyarakat tidak terhad kepada tanggungjawab domestik sahaja; ramai wanita turut terlibat dalam sektor pekerjaan. Oleh itu, kajian ini dapat memberikan gambaran tentang bagaimana wanita Islam di negeri-negeri ini menyeimbangkan antara tuntutan agama dan tanggungjawab profesional mereka. Isu-isu seperti cabaran dalam mematuhi hukum berihdad ketika terpaksa bekerja, sokongan daripada majikan, dan persepsi masyarakat terhadap wanita yang mematuhi hukum ini juga wajar diberi perhatian.

Selain itu, kajian ini juga dapat menyumbang kepada pemahaman yang lebih mendalam tentang sokongan yang diperlukan oleh wanita Islam bekerjaya dalam menunaikan kewajipan agama mereka. Adalah penting untuk mengenal pasti sejauh mana pihak majikan dan rakan sekerja memahami dan memberi sokongan kepada wanita yang sedang melalui tempoh berihdad. Dalam konteks yang lebih luas, kajian ini dapat membantu menggubal dasar-dasar yang lebih inklusif dan sensitif terhadap keperluan agama pekerja wanita Islam. Dengan demikian, pematuhan hukum berihdad dapat dilihat sebagai suatu yang tidak menghalang produktiviti dan penyertaan wanita dalam tenaga kerja, tetapi sebagai satu aspek penting yang perlu difahami dan dihormati dalam masyarakat yang pelbagai.

## PERMASALAHAN KAJIAN

Islam memberi ruang dan kelonggaran kepada wanita untuk menceburi bidang pekerjaan di luar rumah menurut batas syarak di samping tidak mengabaikan tanggung jawab hakikinya mengurus dan mentadbir hal ehwal rumah tangga. Peredaran masa ditambah dengan desakan ekonomi keluarga, dasar dan sokongan kerajaan ke atas keperluan tenaga mahir wanita telah meningkatkan penglibatan wanita dalam pasaran kerja walaupun masih pada kadar yang rendah berbanding penyertaan tenaga kerja dari kaum lelaki (I. Ishak, 2003). Laporan Ekonomi pada tahun 2017 telah merekodkan bahawa penduduk umur bekerja di Malaysia terdiri daripada 9.5 juta wanita. Hanya 53.5% sahaja wanita menyertai tenaga buruh di Malaysia (<https://www.dosm.gov.my/>,2017). Golongan wanita yang merupakan sebahagian daripada

penggerak pembangunan dan ekonomi negara memerlukan persekitaran dan peluang yang sesuai supaya dapat memikul tanggung jawab sebagai isteri, ibu dan pekerja dengan baik (Selamat, 2009). Kebajikan mereka perlu dijaga terutamanya yang melibatkan kepentingan ketika bekerja (Selvaratnam, & Yeng, 2011). Antara sistem sokongan yang diperlukan oleh pekerja wanita ialah ketika berhadapan dengan situasi kematian suami mematuhi hukum berihdad dalam tempoh iddah.

Iddah dan ihdad adalah istilah yang sinonim bagi isteri yang kematian suami. Ia adalah kewajipan hukum yang ditetapkan dalam Islam selepas kematian suami iaitu tempoh iddah selama empat bulan sepuluh hari (Hassan, 2016). Sepanjang tempoh tersebut, mereka diwajibkan mematuhi beberapa peraturan tertentu yang merangkumi larangan keluar rumah tanpa keperluan yang mendesak, larangan berhias, dan lain-lain (Al-Zuhaili, 1989). Permasalahan timbul apabila wanita yang berihdad ini juga merupakan kakitangan yang bekerja dan perlu mematuhi tanggungjawab pekerjaan mereka. Kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa larangan sepanjang tempoh iddah tersebut mempunyai cabaran tersendiri bagi wanita yang kematian suami sama ada suri rumah mahu pun wanita bekerjaya. Wanita kematian suami kebiasaannya berhadapan dengan masalah berkaitan emosi dan kewangan (Syh Noorul Madihah & Raihanah, 2010). Sebahagian daripada mereka sangat terkesan dengan kematian suami yang merupakan tempat pergantungan utama dalam keluarga selain stigma atau anggapan buruk masyarakat terhadap golongan yang bergelar janda atau balu. Bagi wanita Islam bekerja mereka tertakluk kepada peraturan dan kaedah menghadapi situasi kematian dan tatacara pelaksanaan hukum dalam mengharungnya.

Selain itu, mereka juga berdepan dengan masalah-masalah lain seperti kesukaran meneruskan kehidupan secara bersendirian, membesar dan mendidik anak-anak tanpa peranan seorang ayah, masa hadapan anak-anak yang tidak menentu, sumber kewangan yang tidak mencukupi serta beban hutang suami yang perlu dilunaskan (Salasiah Hanin Hamjah, 2012). Situasi ini menyebabkan sesetengah wanita hilang arah untuk menjalani kehidupan setelah kematian suami (Nuur Syafiqah Abirerah & Najah Nadiah Amran, 2020). Bagi wanita bekerjaya juga akan berlaku pertembungan di antara keperluan untuk menguruskan emosi, urusan berkaitan anak-anak dan si mati serta tuntutan kerjaya. Prestasi kerja terjejas disebabkan masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka. Ini kerana selepas kematian suami banyak perkara yang perlu diuruskan oleh isteri secara bersendirian termasuk pengurusan harta pusaka suami, urusan persekolahan anak, urusan perbelanjaan rumahtangga dan lain-lain (Syh Noorul Madihah, S. H. & Raihanah, A. 2010)

Sehingga kini, kajian-kajian lepas mendapati bahawa tidak terdapat polisi, undang-undang atau garis panduan yang menyokong pelaksanaan ihdad bagi wanita Islam bekerjaya di Malaysia. Akta Kerja 1955 yang merupakan undang-undang buruh utama yang dikuatkuasakan di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan bagi mengawal hubungan antara majikan dan pekerja di sektor swasta tidak memperuntukkan sebarang sebarang cuti yang menyokong pelaksanaan ihdad bagi wanita bekerja. Tidak seperti peruntukan berkaitan cuti bersalin 98 hari dan cuti paterniti tujuh hari yang telah diperuntukkan dalam pindaan Akta Kerja tahun 2022 yang dilihat menjaga kebajikan wanita bekerja yang melahirkan anak. Sebaiknya

wanita kematian suami diberikan cuti yang sewajarnya bagi tujuan pengurusan emosi dan penyesuaian diri dengan iddah yang disyariatkan dalam Islam. Bagi penjawat awam, kemudahan tiga hari Cuti Tanpa Rekod telah diberikan kepada semua penjawat awam yang mengalami situasi kematian ahli keluarga terdekat seperti suami atau isteri seperti yang diperuntukkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 10 Tahun 2002. Pekeliling Perkhidmatan ini telah menambah baik proses terdahulu apabila anggota perkhidmatan awam yang kematian ahli keluarga terdekat tidak lagi perlu mengambil cuti rehat sebaliknya diberikan cuti tanpa rekod sebanyak tiga hari. Malah kemudahan tiga hari Cuti Tanpa Rekod ini tidak akan menjelaskan aspek perkhidmatan dan pembayaran emolumen bulanan pegawai. Namun cuti selama tiga hari yang diberi oleh majikan adalah tidak mencukupi bagi menyantuni keperluan berihdad dan kebajikan wanita kematian suami. (Maffuza Salleh et al., 2022).

Oleh itu, terdapat banyak persoalan mengenai bagaimana wanita bekerja dapat mematuhi hukum berihdad dan pada masa yang sama terikat dengan tugas kerjaya sepanjang tempoh iddah. Apakah pemahaman mereka mengenai hukum iddah dan ihdad? Apakah permasalahan yang ditanggung mereka sepanjang tempoh berihdad? Bagaimana keperluan yang diperlukan oleh mereka sepanjang tempoh berihdad dan apakah skongan yang diberikan oleh majikan untuk mereka mematuhi pensyariatan ihdad dalam tempoh iddah? Maka, kajian ini sangat penting sebagai asas bagi memberikan gambaran tentang bagaimana wanita Islam bekerja yang kematian suami di negeri Terengganu dan Kelantan menyeimbangkan antara tuntutan agama dan tanggungjawab profesional mereka serta mencadangkan penampaikan bagi menyelesaikan isu dan permasalahan yang dihadapi mereka sepanjang tempoh berihdad.

## METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan menggunakan reka bentuk kajian secara analisis kes. Kaedah pengumpulan data yang digunakan analisis dokumen dan temubual separa struktur. Analisis dokumen melibatkan polisi dan undang-undang berkaitan, artikel daripada jurnal penyelidikan serta buku-buku yang relevan dengan tajuk kajian. Manakala, kaedah temubual separa struktur pula melibatkan protokol temubual yang telah mendapat pengesahan pakar bidang dan pakar bahasa (*subject matter experts*). Responden adalah seramai tujuh orang isteri kematian suami daripada negeri Kelantan dan Terengganu. Kriteria inklusif yang telah ditetapkan bagi pemilihan sampel responen adalah berdasarkan kaedah persampelan bertujuan iaitu: i) wanita yang kematian suami, ii) kematian suami melebihi sembilan bulan, hingga lima tahun, iii) wanita yang bekerja, iv) wanita yang belum berkahwin baru dan vi) wanita yang mempunyai anak. Kriteria-kriteria ini ditetapkan untuk mendapat gambaran sebenar mengenai kepatuhan dan permasalahan serta kebajikan yang diperlukan semasa menjalani tempoh iddah kematian suami. Menurut Kamal Azmi et al. (2015), kaedah persampelan bertujuan adalah sesuai digunakan untuk mendapatkan maklumat yang mendalam dan subjek biasanya dipilih berdasarkan tujuan yang ada kaitan dengan kajian.

Bagi menganalisis data kajian ini, data temu bual ini direkodkan dan kemudian dialihkan dalam bentuk tulisan melalui kaedah transkripsi (Ghazali et al. (2016). Transkripsi itu dimasukkan ke dalam perisian ATLAS.ti versi 8.4.15 dan dianalisis menggunakan perisian tersebut bagi membentuk tema dapatan daripada informan kajian. Seterusnya, setiap tema yang diperoleh dikelaskan kepada beberapa tema utama seperti bentuk kepatuhan, permasalahan yang dihadapi dan bentuk kebajikan yang diperlukan. Setelah itu, data tersebut dihurai dalam bentuk deskriptif untuk memudahkan pemahaman pembaca. Informan yang terlibat dalam temu bual diberikan nama samaran. Tujuan nama samaran ini digunakan untuk memastikan identiti sebenar informan dapat dirahsiakan daripada pengetahuan orang ramai.

Dalam kajian ini, telah menggunakan dua cara dalam meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan data kualitatif. Dua cara tersebut adalah pengesahan pakar dan pengesahan responden terhadap data temu bual.

- 1) Pengesahan pakar Salah satu kesahan dan kebolehpercayaan data adalah dengan menggunakan pengesahan soal selidik daripada pakar. Dalam hal ini penulis menggunakan kaedah kesahan kandungan terhadap instrumen temu bual yang dibangunkan sebelum kajian sebenar dijalankan. Kesahan kandungan ini merujuk kepada ketepatan kandungan dan format instrumen, sifat komprehensif instrumen, kebolehgunaan variabel, ketepatan dan kecukupan kandungan item-item yang boleh memberi kefahaman kepada responden ketika disoal.
- 2) Pengesahan responden terhadap data temu bual Pengesahan ini memerlukan tanda tangan responden terhadap data yang diambil (Bogdan & Biklen 2003). Dalam kajian ini rakaman yang dijalankan adalah dengan rakaman suara setelah penulis mendapat keizinan daripada responden. Rakaman suara ini kemudian menjalani proses transkripsi. Setelah selesai ditranskrip, penulis menyerahkan salinan teks transkrip tersebut kepada semua responden yang terlibat. Hal ini dilakukan agar mereka dapat membaca kembali segala input perbualan. Mereka juga dibenarkan untuk membetulkan fakta yang tersilap kemudian mengesahkan teks tersebut dengan menandatangani salinan tersebut. Hal ini menjadikan kesahan dan kebolehpercayaan terhadap data dapat ditingkatkan melalui pembetulan fakta, pengakuan dan pengesahan daripada responden yang terlibat.

## **DAPATAN DAN PERBINCANGAN**

### **Demografi Informan**

Jadual 1 menunjukkan latar belakang demografi tujuh orang informan daripada Kelantan dan Terengganu yang terlibat dalam kajian ini. Informan berusia antara 32 hingga 47 tahun. Semua informan adalah memenuhi kriteria-kriteria yang ditetapkan melalui kaedah persampelan bertujuan.

Jadual 1: Demografi Informan

Informan	Negeri	Umur	Pekerjaan	Bilangan anak	Tempoh kematian suami	Sebab Kematian Suami
Ustazah Hamidah	Kelantan	52	Guru SK (Kerajaan)	4	5 Tahun	Darah Tinggi
Cikgu Hajar	Kelantan	48	Guru SK (Kerajaan)	11	2 Tahun	Kegagalan Paru-paru
Cikgu Mas	Kelantan	52	Guru MRSM (Kerajaan)	5	1 Tahun	Diabetes, Kegagalan Buah Pinggang dan Jantung
Puan Erni	Kelantan	45	Pensyarah Politeknik (Kerajaan)	4	1 Tahun	Kegagalan Buah Pinggang
Che' Su	Terengganu	48	Guru MTT (Swasta)	8	1 Tahun	Kegagalan Jantung
Cikgu Ani	Terengganu	54	Guru SK (Kerajaan)	2	4 Tahun	Diabetes
Kak Lah	Terengganu	54	Petugas Am Kebersihan (Swasta)	5	4 Tahun	Demam Panas

Sumber: Transkripsi Temu bual

### **Pengetahuan dan pemahaman terhadap hukum iddah dan ihdad**

Tahap pengetahuan hukum berihdad bagi wanita kematian suami di Kelantan dan Terengganu adalah penting untuk memahami sejauh mana mereka dapat mematuhi hukum tersebut. Hasil kajian menunjukkan bahawa di Kelantan dan Terengganu, tahap pengetahuan tentang hukum iddah selepas kematian suami adalah tinggi walaupun terdapat beberapa variasi bergantung kepada latar belakang pendidikan dan pendedahan agama individu. Kebanyakan wanita di negeri-negeri tersebut memahami dengan baik mengenai tempoh kewajipan beriddah yang disyariatkan dalam Islam. Mereka tiada masalah dan memahami bahawa sebaik sahaja kematian suami mereka, tempoh iddah telah bermula. Kajian mendapati bahawa pengetahuan yang baik ini banyak dipengaruhi oleh pendidikan agama yang diterima sejak kecil dan budaya masyarakat yang kuat berpegang kepada ajaran Islam.

Dapatan ini dibuktikan melalui beberapa pernyataan daripada informan:

“Tempoh menjaga diri selepas kematian suami dalam masa 4 bulan 10 hari. Maksudnya saya fahamlah... maksudnya kita menjaga diri dari buat apa.. selain daripada benda yang hanya untuk.... yang wajib. Penjagaan diri selain daripada benda”. (Ustazah Hamidah, 8 Jun 2024)

“Ihdad tu tak pernah tapi iddah tu sebab kita dah lalui. So kita dah tahu lah apa iddah, apa yang boleh dan apa yang tidak boleh dalam tempoh berkabung itu. Tapi ihdad ini first time lah saya dengar” (Puan Erni, 9 Jun 2024)

Dalam konteks hukum berihdad pula iaitu berkaitan larangan-larangan yang dikenakan semasa tempoh berihdad, seperti tidak memakai pakaian yang menarik perhatian dan tidak keluar rumah kecuali untuk keperluan mendesak, tahap pengetahuan mereka juga adalah baik tetapi ada juga informan yang tidak pernah mendengar istilah ihdad sebaliknya lebih biasa dengan istilah berkabung. Mereka memahami bahawa dalam tempoh iddah ada perkara-perkara yang tidak boleh dilakukan oleh mereka terutamanya mengenai keluar rumah tanpa keperluan dan berpakaian yang berwarna-warni. Kesemua informan yang ditemu bual juga menyatakan tidak mengiring jenazah suami ke perkuburan kerana dalam tempoh iddah dan turut menukar gaya berpakaian kepada pakain yang berwarna gelap, menanggalkan barang kemas dan tidak memakai minyak wangi ketika bekerja dan di rumah. Sebagaimana penjelasan informan seperti berikut:

“Iddah ni pasal apa ni? Kabung selama 4 bulan 10 hari lah. itulah secara umumnya macam itulah yang saya faham. Dan dia tak boleh lah apa seorang isteri tak boleh keluarlah apa ni berjalan jalan ke melainkan kalau terdesak tu lah.” (Che’ Su, 18 Mei 2024)

"Sekarang ni Alhamdulillah saya... yang saya faham perempuan yang menahan diri. Dia tidak berhias sepanjang tempoh iddah untuk menjaga... maksudnya dia ada beberapa pantang larang lah... ada benda yang saya tak boleh buat macam keluar." (Cikgu Mas, 14 Jun 2024)

Secara umumnya, walaupun terdapat perbezaan tahap pengetahuan dalam kalangan wanita di Kelantan dan Terengganu mengenai hukum iddah dan ihdad, tetapi kajian menunjukkan bahawa mereka masih mempunyai asas pengetahuan yang baik tentang hukum berihdad. Ini penting kerana pengetahuan yang baik akan mempengaruhi tahap pematuhan wanita terhadap hukum ini. Oleh itu, usaha berterusan perlu dilakukan untuk meningkatkan kesedaran dan pemahaman tentang hukum berihdad melalui program pendidikan, ceramah agama, dan kempen kesedaran. Dengan pengetahuan yang lebih mendalam, wanita yang kehilangan suami akan lebih bersedia dan mampu mematuhi hukum berihdad dengan lebih baik, sekaligus menjalani tempoh iddah dengan penuh kepatuhan dan keinsafan serta dapat memahami hikmah pensyariatan hukum tersebut.

### **Pematuhan terhadap Hukum Berihdad**

Tahap pematuhan hukum berihdad bagi wanita kematian suami di Kelantan dan Terengganu merupakan satu aspek penting dalam kajian ini. Berihdad, atau tempoh berkabung selama empat bulan sepuluh hari, memerlukan wanita untuk mematuhi beberapa larangan seperti tidak memakai pakaian menarik dan tidak keluar rumah kecuali untuk keperluan mendesak. Kajian mendapati bahawa tahap pematuhan berbeza-beza di antara wanita di dua negeri ini. Beberapa

wanita menunjukkan pematuhan yang tinggi dengan mengikuti semua larangan. Hasil temu bual menunjukkan ada informan yang sanggup membeli pakaian baru yang bersesuaian dengan tempoh iddah untuk dipakai di tempat kerja dan tidak keluar rumah kecuali urusan kerja. Malah ada informan yang bekerja swasta di sebuah Maahad Tahfiz di Terengganu telah diberi cuti penuh sepanjang tempoh iddah oleh majikannya untuk mematuhi sepenuhnya tempoh berihdad tersebut. Mereka memahami bahawa ihdad adalah pensyariatan dalam agama Islam dan mematuohnya adalah satu kewajipan.

“Bila disebut iddah itu lebih kepada spesifik kepada agama. Skopnya lebih kecil macam berkabung ini saya tengok bukan kepada spesifik Islam lah maksud dia lebih luas, lebih luas. Ha macam kalau iddah ni ada batas batas yang kita tak boleh, tapi macam berkabung ni maksudnya lebih lebih luas sikit lah macam ada benda yang dia boleh buat. Macam kita ni ada benda yang wajib kita boleh buat. Ada benda yang memang tak boleh langsung kita buat semasa iddah. Antaranya bertabaruj. Yang keduanya keluar tanpa apa sebab. Maksudnya kita berada di dalam kediaman tu sehingga 4 bulan 10 hari lah dan kecuali mencari nafkah. Kecuali nafkah untuk anak dan keluarga sebab tidak ada siapa yang boleh bagi kepada kita. Dari segi pergaulan pun. Dengar orang luar, orang luar pun yang bukan mahram lah. Tiada kepentingan menghadiri majlis majlis yang tidak ada apa kepentingan dia tidak ada keutamaan sangat. Sehinggakan orang kata mendatangkan fitnah.” (Ustazah Hamidah, 8 Jun 2024)

Walau bagaimanapun, kajian juga mendapat terdapat wanita di Kelantan dan Terengganu yang menghadapi kesukaran untuk mematuhi sepenuhnya disebabkan oleh tuntutan kerja dan tanggungjawab keluarga. Adakalanya, mereka menghadapi kesukaran untuk sepenuhnya mematuhi kesemua larangan yang telah ditetapkan kerana pelbagai kekangan seperti perlu mengurus keperluan anak-anak, menguruskan hutang dan aset peninggalan suami, tuntutan kerjaya dan sebagainya.

“Saya memang tak keluar kecuali keperluan. Cuma satu je masa tu saya berbeza pendapat dengan ustazah. Sebab saya banyak tugas hakiki yang saya terpaksa memang kena keluar contohnya. "Pada masa tu selepas ustazah tu cakap macam tu hormat tempoh iddah tu saya kelas tambahan malam memang saya tak pergi." (Cikgu Mas, 14 Jun 2024)

“Lepas tu saya banyak juga langgar pantangnya. Dalam 13 hari suami meninggal tu saya... Saya rindu nak pergi dekat kubur dia. Tapi saya pergi juga. Saya pergi dengan anak. Lepas tu saya balik. Itu first time lah maksudnya hari meninggal. Saya banyak urusan bank. Bab berkaitan dengan KWSP dia. Keluar juga tapi memang menutup auratlah. Tak singgah kedai makan tu tak adalah.” (Cikgu Rohani, 19 Mei 2024)

Namun, secara keseluruhan, di Kelantan dan Terengganu, kajian mendapati wanita cenderung lebih patuh terhadap hukum berihdad, dengan sokongan kuat daripada keluarga dan komuniti setempat yang memudahkan pematuhan mereka. Kajian mendapati bahawa kebanyakan wanita di negeri ini mempunyai pemahaman yang baik tentang hukum berihdad dan berusaha untuk mematuhi semua peraturan yang ditetapkan. Faktor budaya dan keagamaan yang kuat di kedua-dua negeri tersebut turut memainkan peranan penting dalam memastikan pematuhan yang lebih ketat. Namun begitu, terdapat juga cabaran yang dihadapi oleh wanita bekerja yang perlu menyeimbangkan antara pematuhan hukum, tanggungjawab kerja dan urusan keluarga.

### **Permasalahan dalam Mematuhi Hukum Berihdad**

Kajian mengenai pematuhan hukum berihdad dalam kalangan wanita Islam bekerjaya di Terengganu dan Kelantan mendapati terdapat beberapa permasalahan yang wujud dalam mematuhi kewajipan berihdad walaupun mereka mempunyai tahap pengetahuan yang baik dan pematuhan yang tinggi. Pertama, terdapat cabaran dalam mendapatkan sokongan dan pemahaman daripada majikan dan rakan sekerja terhadap keperluan agama ini. Pemahaman majikan dan rakan sekerja terhadap pensyariatan hukum ihdad juga adalah cabaran terhadap wanita berihdad untuk menjalani tempoh ihdad tersebut secara baik. Menurut kajian oleh Abdul Rahman (2018), banyak wanita Islam yang mengalami tekanan kerana kurangnya pemahaman dan fleksibiliti di tempat kerja mengenai tempoh berihdad, yang menuntut mereka untuk kekal di rumah dan tidak bergaul secara bebas. Ini menimbulkan konflik antara tanggungjawab profesional dan kewajipan agama, di mana wanita sering kali terpaksa memilih antara kedua-duanya. Ini dijelaskan dalam pernyataan informan berikut:

“Majikan tu kena ada pengetahuan dia dalam benda tu. Jadi benda tu biar dia jadi macam kita buat satu ketetapan ke apa. Yang mengatakan bila perempuan tu beredah, jadi semua orang tahu bila dia dalam tempoh beredah sahaja., hari ini saja yang dia boleh buat. So rakan rakan sekerja dia pun semua tahu. Biar benda itu di perkelilingkan biar benda itu di khususkan.” (Cikgu Mas, 14 Jun 2024)

Kedua, permasalahan mengenai kesedaran dan pengetahuan mengenai hukum berihdad itu sendiri. Kajian oleh Aishah dan Zainab (2019) mendapati bahawa ramai wanita Islam bekerjaya tidak mendapat maklumat yang cukup mengenai peraturan dan larangan dalam tempoh berihdad secara terperinci, menyebabkan mereka tidak dapat melaksanakan tuntutan agama ini dengan sempurna. Pengetahuan mereka hanya berdasarkan sumber pembelajaran semasa sekolah, melalui pengalaman orang lain dan media massa. Kekurangan pengetahuan yang menyeluruh dan terperinci mengenai larang-larangan semasa ihdad mungkin disebabkan oleh penyebaran ilmu dan maklumat yang tidak menyeluruh di tempat kerja dan masyarakat.

"Masalah saya adalahkekangan hukum. Maksudnya saya tak tahu setakat mana saya boleh. Sebab saya takut sebab saya tak nak menyusahkan orang. Itu yang jadi beratlah (Cikgu Mas, 14 Jun 2024)

Ketiga, tekanan sosial dan persepsi masyarakat terhadap wanita yang mematuhi hukum berihdad juga merupakan satu cabaran besar. Wanita yang mematuhi hukum ini sering kali berdepan dengan stigma dan kritikan dari masyarakat yang kurang memahami atau tidak menghormati keperluan mereka. Menurut kajian oleh Hassan (2020), stigma ini boleh menyebabkan wanita tersebut merasa terasing dan mengalami tekanan mental yang serius. Sikap negatif dari masyarakat ini menunjukkan perlunya pendidikan dan kempen kesedaran yang lebih berkesan untuk meningkatkan pemahaman dan penerimaan terhadap amalan berihdad. persepsi masyarakat yang mengambil ringan isu iddah dan ihdad seseorang isteri yang ditinggal mati oleh suami. Adakalanya, masyarakat memandang remeh dan tidak menganggap bersolek, bergaul dengan lelaki ajnabi, keluar rumah tanpa tujuan yang munasabah dan lain-lain sepanjang tempoh iddah sebagai perkara yang dilarang, sehingga hal ini menjadi perkara biasa (Arsjad & Barakah, 2017).

"Saya rasa macam sokongan masyarakat tu kuranglah. Tak ada yang offer offer semua tu tak ada saya rasa macam... Orang pun tak perasan bahawa saya sedang beredah." (Cikgu Mas, 14 Jun 2024)

Keempat, terdapat kekurangan sokongan dari aspek majikan dari segi dasar, polisi dan garis panduan yang menyokong pematuhan hukum berihdad di tempat kerja. Kajian oleh Noraini (2021) menunjukkan bahawa kebanyakannya tempat kerja tidak mempunyai dasar atau peraturan yang memberangkan wanita untuk mengambil cuti atau mempunyai waktu kerja yang fleksibel semasa tempoh berihdad. Kekurangan sokongan ini menekankan keperluan untuk menggubal dasar yang lebih inklusif dan sensitif terhadap keperluan agama pekerja wanita Islam. Dengan adanya dasar yang lebih baik, wanita Islam dapat menuaikan kewajipan agama mereka tanpa perlu bimbang tentang kehilangan pekerjaan atau mengurangkan prestasi kerja mereka.

"Rasanya perlu. Bila ada kursus luar. Kadang kadang dia suruh kita cari ganti sendiri, kita takkan nak suruh... kena dia. Patutnya dia lah kena alert. Mungkin pengetahuan dia tak pernah lalui. Tambah tambah kalau dia lelaki lah kan... mungkin bagi dia tak tahu benda tu. Pengetahuan dia lah tu kot. Tapi rasanya perlu." (Cikgu Hajar, 8 Jun 2024)

Selain itu, wanita bekerja di Terengganu dan Kelantan juga sering menghadapi cabaran yang lebih besar dalam mematuhi hukum berihdad sepenuhnya disebabkan oleh keperluan untuk bekerja di luar rumah. Kajian mendapati kebanyakannya informan kajian hanya diberi suti ihsan selama 3 hari selepas kematian suami ataupun cuti tambahan yang direkodkan. Tempoh cuti tersebut sebenarnya tidak mencukupi untuk mereka mengurus emosi dan keperluan ana-anak selepas kematian tunggak keluarga. Menurut Maffuza et al. (2022), cuti selama tiga hari yang diberi oleh majikan adalah tidak mencukupi bagi menyantuni keperluan berihdad dan kebajikan wanita kematian suami. Selain itu, Majikan juga tidak memberi pengecualian khusus secara rasmi daripada menghadiri keperluan tugasan seperti bekerja di luar, mengadakan kelas tambahan, menghadiri mesyuarat di luar dan sebagainya kecuali secara lisan atau apabila ada pemberitahuan oleh wanita berihdad itu sendiri. Sokongan daripada majikan dan polisi tempat

kerja yang fleksibel sangat penting dalam membantu mereka mematuhi hukum ini. Kajian menunjukkan bahawa dengan adanya kesedaran dan sokongan yang lebih baik daripada majikan, tahap pematuhan dapat ditingkatkan.

“Tak cukup. Memang tak cukup sebab 3 hari tu. Emosi dia tak stabil lagi. Tapi kita terpaksa dah datang kerja bila datang kerja. "mungkin bagi saya dalam 7. Atau 10 hari pun okey sebab kita nak settle down banyak benda yang yang 3 hari itu saya keluar uruskan berkaitan dengan bank dan sebagainya pun." (Puan Erni, 9 Jun 2024)

## **KESIMPULAN**

Kesimpulannya, pematuhan hukum berihdad dalam kalangan wanita Islam bekerjaya di Terengganu dan Kelantan menunjukkan betapa pentingnya integrasi antara tuntutan agama dan kehidupan profesional. Wanita-wanita ini menghadapi cabaran dalam menyeimbangkan keperluan untuk memenuhi tanggungjawab agama mereka sambil meneruskan kerjaya. Namun, dengan sokongan yang tepat dari majikan dan rakan sekerja, serta pemahaman yang mendalam tentang keperluan berihdad, wanita-wanita ini dapat menunaikan kewajipan agama tanpa menjelaskan produktiviti kerja mereka. Kajian ini juga menekankan kepentingan sokongan moral dan fizikal daripada masyarakat sekeliling dalam membantu wanita Islam menjalani tempoh berihdad dengan tenang dan penuh penghormatan.

Secara keseluruhan, pemahaman yang lebih mendalam dan sokongan yang menyeluruh terhadap wanita Islam yang menjalani tempoh berihdad adalah kunci kepada kesejahteraan mereka, baik dari segi rohani maupun profesional. Oleh itu, langkah-langkah perlu diambil untuk memastikan dasar dan peraturan kerja yang lebih fleksibel dan sensitif terhadap keperluan agama wanita Islam dapat dilaksanakan. Dengan cara ini, pematuhan hukum berihdad bukan sahaja dapat dilihat sebagai suatu kewajipan agama, tetapi juga sebagai satu amalan yang dihormati dan didukung oleh semua pihak dalam masyarakat. Oleh itu, kajian mencadangkan agar polisi yang lebih holistik dan komprehensif terhadap keperluan berihdad diperkenalkan di tempat kerja bagi membantu wanita yang kehilangan suami mematuhi hukum berihdad dengan lebih baik.

## **PENGHARGAAN**

Artikel ini adalah sebahagian daripada Skim Geran Penyelidikan Fundamental bertajuk “Pembinaan Model Sokongan Ihdad Bagi Wanita Islam Bekerjaya di Malaysia”, kod rujukan FRGS/1/2023/SS02/KUIS/03/1 yang dianugerahkan oleh Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Tinggi dan diuruskan oleh Pusat Pengurusan Penyelidikan Dan Inovasi (RIMC) Universiti Islam Selangor (UIS), Bandar Seri Putra, 43000, Kajang, Selangor Darul Ehsan.

## RUJUKAN

- Abd. Rahman, K. A., et al. 2015. *Kaedah Penyelidikan: Asas-Asas Penyelidikan Islam*. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
- Abdul Rahman, N. (2018). "Challenges of Practicing Ihdad Among Working Muslim Women." *Journal of Islamic Studies*, 23(2), 125-138.
- Abirerah, N. S. & Amran, N. N. (2020). Kestabilan Emosi dan Cabaran Kehidupan Golongan Armalah. *Jurnal al-Turath*; Vol. 5, No. 1; 2020. 11-20
- Aishah, R., & Zainab, M. (2019). "Knowledge and Awareness of Ihdad Practices Among Professional Muslim Women." *Islamic Law Review*, 30(1), 56-72.
- Akta Kerja 1955
- Akta Kerja 1955 (Pindaan 2022)
- Al-Zuhaili, W. (1989). *Fiqh Islami wa Adillatahu*. Dar al-Fikr. Damsyik.
- Arsjad, R., & Barakah, A. (2017). Iddah Wafat, Antara Agama Dan Budaya. *Jurnal Lentera: Kajian Keagamaan, Keilmuan Dan Teknologi*, 3(1), 123–124. Retrieved from <http://moraref.or.id/record/view/46678%0Ahttp://ejournal.staimnglawak.ac.id/index.php/lentera>
- Bogdan, R. C., & Biklen, S. K. (2003). *Qualitative Research for Education: An Introduction to Theories and Methods* (4th ed.). Boston: Allyn and Bacon.
- Ghazali Darusalam dan Sufean Hussin. 2016. *Metodologi Penyelidikan dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya
- Hassan, F. (2020). "Social Perception and Mental Health of Muslim Women Observing Ihdad." *Journal of Muslim Social Studies*, 15(3), 203-215.
- Hassan, R. (2016). Pensyariatan Ihdad Sebagai Pembelaan Terhadap Wanita. Prosiding Muzakarah Fiqh & International Fiqh Conference 2016 (pp. 42–48).
- Husin, S. N, S. & Azahari, R. (2010). Pendekatan Islam dalam Memelihara Maslahah Wanita Selepas Kematian Suami. *Jurnal Syariah*, 18 (3), 479-506
- Ismail, A. & Hamjah, S. H. (2012) Kefahaman terhadap kedudukan wanita bekerjaya menurut Islam. *Al-Hikmah*, 4 . pp. 3-14.

Noraini, S. (2021). "Institutional Support for Ihdad Practices in the Workplace." *Employment and Islamic Law Journal*, 12(4), 98-115.

Pekeling Perkhidmatan Bilangan 10 Tahun 2002

Salleh, M., Kamarudin, N., Dimon, Z. & Mansor, N. (2022).. Analisis Permasalahan Wanita Berihdad Berkaitan Urusan Kerja Sepanjang Tempoh Berihdad. Prosiding 6 th Muzakarah Fiqh & International Conference. 13th & 14th December 2022. M.S 350-358.

Selamat, A. (2009). Kesamarataan Gender dalam Bidang Industri di Malaysia. Adakah Wanita telah Bersedia?

Selvaratnam, D. P., & Yeng, K. K. (2011). Women Role in Flexible Work Market in Malaysia: A Case Study in Services Sector. In Prosiding Perkem vi (Vol. 2, pp. 86–101).

Temu bual bersama Che' Su di Kg. Tok Jiring, Terengganu pada 18 Mei 2024.

Temu bual bersama Cikgu Hajar di Pasir Mas, Kelantan pada 8 Jun 2024.

Temu bual bersama Cikgu Masitah secara dalam talian (Google Meet) pada 14 Jun 2024.

Temu bual bersama Cikgu Rohani di Sekolah Kebangsaan Tok Jiring, Terengganu pada 19 Mei 2024.

Temu bual bersama Kak Lah di UNISZA, Terengganu pada 11 Jun 2024.

Temu bual bersama Puan Erni di Politeknik Kota Bharu pada 9 Jun 2024.

Temu bual bersama Ustazah Hamidah di Pasir Mas, Kelantan pada 8 Jun 2024.